

28 JAN 1998

Umno-pertandingan

TIGA BAHAGIAN UMNO KELANTAN PERLU PERTANDINGAN

KOTA BAHARU, 28 Jan (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata sekurang-kurangnya tiga bahagian Umno di negeri itu perlukan pertandingan.

"Ketiga-tiga bahagian itu mempunyai sebab yang munasabah seperti penindasan, kemungkaran dan sikap tidak adil terhadap sebahagian anggotanya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Tanpa menamakan ketiga-tiga bahagian itu, Zainal Abidin berkata mana-mana ketua bahagian yang tidak mendapat sokongan perlu menarik diri dan menyerahkan jawatan itu kepada orang lain bagi memastikan Umno sentiasa dihormati.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan Anggota Majlis Tertinggi Umno, Tan Sri Hussain Ahmad yang menyatakan hasratnya untuk bertanding merebut jawatan ketua bahagian Rantau Panjang pada Mac ini.

"Saya sokong dengan keputusan (Hussain) itu, dan itulah langkah yang perlu diambil sekiranya didapati ia perlu berbuat demikian," katanya.

Hussain dilaporkan berkata dalam akhbar hari ini bahawa keputusannya untuk bertanding dibuat setelah beliau mendapati berlaku kepincangan dalam bahagian itu.

Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas menetapkan agar tidak ada pertandingan di semua bahagian di Kelantan bagi mengelak perpecahan. --
BERNAMA

MNR MAI